

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002  
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN III - PENDAFTARAN PERKAHWINAN**

---

**Seksyen 33. Pendaftaran sukarela perkahwinan orang Islam yang diakadnikahkan dahulunya di bawah mana-mana undang-undang.**

- (1) Walau apa pun seksyen 6 dan 31, pihak-pihak kepada sesuatu perkahwinan mengikut Hukum Syarak yang diakadnikahkan di bawah mana-mana undang-undang sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan boleh, jika perkahwinan itu belum didaftarkan, memohon pada bila-bila masa kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan untuk didaftarkan perkahwinan itu.
  - (2) Pendaftar boleh menghendaki pihak-pihak kepada perkahwinan itu supaya hadir di hadapannya dan mengemukakan apa-apa keterangan mengenai perkahwinan itu, sama ada lisan atau dokumentar, dan memberi apa-apa butir lain sebagaimana yang dikehendaki olehnya.
  - (3) Pendaftar boleh, setelah puas hati tentang kebenaran pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam permohonan itu, mendaftarkan perkahwinan itu dengan mencatatkan butir-butir mengenainya dalam Daftar Perkahwinan yang ditetapkan bagi maksud ini.
  - (4) Catatan perkahwinan dalam Daftar Perkahwinan itu hendaklah ditandatangani oleh Pendaftar yang membuat catatan itu dan oleh kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu, jika dapat hadir, atau selainnya, oleh mana-mana satu pihak yang hadir di hadapan Pendaftar.
  - (5) Selepas perkahwinan itu didaftarkan, suatu salinan catatan dalam Daftar Perkahwinan yang diperakui dan ditandatangani oleh Pendaftar dan dimeterai dengan meterai jawatannya hendaklah diserahkan atau dihantar kepada suami dan satu salinan lagi kepada isteri dan salinan ketiga hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar.
  - (6) Pendaftar tidak boleh mendaftarkan sesuatu perkahwinan di bawah seksyen ini jika dia berpuas hati bahawa perkahwinan itu adalah tak sah di bawah Enakmen ini.
-